



---

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 16 TAHUN 2018**

---

**PINDAAN SYARAT AM DAN SYARAT KHAS KE  
PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA**

Bahagian Hal Ehwal Akademik  
11 Disember 2018

Disalinkan kepada:

Naib Canselor  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)  
Pendaftar  
Pegawai-Pegawai Kanan

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

11 DISEMBER 2018

**SURAT PEKELILING PENGURUSAN AKADEMIK**  
**BILANGAN 16 TAHUN 2018**

**PINDAAN SYARAT KHAS AM DAN SYARAT KHAS KE  
PROGRAM DIPLOMA DAN SARJANA MUDA**

**1.0 TUJUAN**

Surat Pekeliling Pengurusan Akademik ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua kakitangan dan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris mengenai keputusan pihak Universiti atas kelulusan Senat Kali Ke-173 Bilangan 12/2018 yang bersidang pada 11 Disember 2018 telah bersetuju dengan pindaan Syarat Am dan dan Syarat Khas kemasukan ke program diploma dan sarjana muda.

**2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Pindaan syarat khas kemasukan ke program Diploma dan Sarjana Muda telah diluluskan oleh Mesyuarat Senat Kali Ke-160 Bil 11/2017 pada 27 November 2017. Maklumat mengenai perkara ini dikeluarkan melalui Surat Pekeliling Pengurusan Akademik Bilangan 7/2017.
- 2.2 Jawatankuasa Kemasukan Kali Ke-70 Bilangan 3/2018 pada 23 November 2018 mengambil perhatian bahawa pemilihan calon ke program Diploma dan Sarjana Muda UPSI ditentukan berdasarkan syarat am dan syarat khas kemasukan ke program. Ia dibina berdasarkan dasar-dasar yang ditetapkan oleh KPM dan mencapai Standard Program yang telah ditetapkan oleh MQA.
- 2.3 Walau bagaimanapun, universiti berhak untuk meminda syarat kemasukan ke program pengajian berlandaskan dasar-dasar yang ditetapkan

oleh KPM dan Standard Program. Di samping itu, syarat kemasukan dipinda mengikut kesesuaian semasa dan sasaran calon yang ingin ditawarkan.

### 3.0 KEPUTUSAN SENAT

3.1 Senat Universiti dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan Universiti bersetuju meluluskan keputusan seperti berikut:

3.1.1 meluluskan pindaan syarat am khusus bagi calon-calon berbakat dan berkemahiran tinggi serta calon-calon Cemerlang Sukan.

3.1.2 meluluskan syarat khas program Diploma Sains (Matematik), Sarjana Muda Reka Bentuk (Permainan Digital) dengan Kepujian (Kategori STPM dan Matrikulasi) dan Sarjana Muda Reka Bentuk (Permainan Digital) dengan Kepujian (Kategori Diploma).

3.2 Syarat kemasukan bagi kemasukan ke program diploma dan sarjana muda bagi perkara 3.1.1 dan 3.1.2 seperti **LAMPIRAN A**.

### 4.0 TARIKH KUASA KUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai 11 Disember 2018. Surat Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan Surat Pekeliling Pengurusan Akademik Bilangan 7 Tahun 2017.

Sekian, terima kasih.

**“UNIVERSITI NO.1 PENDIDIKAN”**

Saya Yang Menjalankan Amanah,



**(SUHAILA SIDEK)**

Ketua Bahagian Hal Ehwal Akademik



# **LAMPIRAN A**

## LAMPIRAN A

### 1.0 Syarat am khusus bagi calon-calon berbakat dan berkemahiran tinggi serta calon-calon Cemerlang Sukan.

#### Syarat Am

Memiliki Sijil Malaysian University English Test (MUET) dengan mendapat sekurang-kurangnya Tahap Dua (2), Band Dua (2) ATAU

Menduduki Malaysian University English Test (MUET) yang dikendalikan oleh Pusat Bahasa dan Pengajian Umum (PBPU) sepanjang tempoh pengajian dengan mendapat sekurang-kurangnya Tahap Dua (2), Band Dua (2)

(Calon yang tidak mencapai sekurang-kurangnya Tahap Dua (2)/Band Dua (2) sepanjang tempoh pengajian akan diberi status diberhentikan).

### 2.0 Syarat khas program Diploma Sains (Matematik)

#### Syarat

Memenuhi Syarat Am  
DAN

Mendapat sekurang-kurangnya Kepujian 6C/Gred C dalam mata pelajaran berikut pada peringkat SPM;

Mathematics

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya **lulus/Gred E** dalam mata pelajaran berikut pada peringkat SPM.

Additional Mathematics; dan

Bahasa Inggeris

**dan**

Mendapat sekurang-kurangnya **kepujian/Gred C** dalam mata pelajaran berikut pada peringkat SPM:

Physics/Chemistry/Biology

3.0 Syarat khas program Sarjana Muda Reka Bentuk (Permainan Digital) dengan Kepujian (Kategori STPM dan Matrikulasi)

Syarat
<b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b>
Mendapat sekurang-kurangnya <b>kepujian/Gred C</b> pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: <input type="checkbox"/> Mathematics / Seni Visual
<b>dan</b>
Mendapat sekurang-kurangnya <b>lulus/Gred E</b> pada peringkat SPM dalam mata pelajaran berikut: <input type="checkbox"/> Bahasa Inggeris
<b>dan</b>
Lulus temu duga yang ditetapkan
<b>dan</b>
Memiliki <b>Sijil Malaysian University English Test (MUET)</b> dengan mendapat sekurang-kurangnya <b>Tahap Dua (2)/ Band Dua (2)</b>

4.0 Syarat khas program Sarjana Muda Reka Bentuk (Permainan Digital) dengan Kepujian (Kategori Diploma).

Syarat
<b>MEMENUHI SYARAT AM UNIVERSITI DAN</b>
Memiliki Diploma yang relevan dari institusi yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia dan Senat universiti dan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.50.
<b>dan</b>
Lulus temu duga yang ditetapkan
<b>dan</b>
Memiliki <b>Sijil Malaysian University English Test (MUET)</b> dengan mendapat sekurang-kurangnya <b>Tahap Dua (2)/ Band Dua (2)</b>